

25 MAR 1999

NGO PERLIS ANJUR PERHIMPUNAN PATRIOTIK

KANGAR, 25 Mac (Bernama) -- Beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Perlis akan menganjurkan perhimpunan patriotik besar-besaran bulan depan bagi menyatakan sokongan mereka kepada kepimpinan Barisan Nasional (BN).

Pengerusi penganjur, Hashim Suboh berkata hari ini, perhimpunan itu akan berlangsung di padang Majlis Perbandaran Kangar pada 11 April mulai pukul 9 malam.

Hashim yang juga Pengerusi Gerakan Belia 4B Perlis berkata, perhimpunan itu diadakan bagi membuktikan majoriti NGO di negeri ini memberi sokongan padu kepada kerajaan khususnya kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Menurut Hashim, selama ini beberapa NGO yang menentang kerajaan sering menggambarkan seolah-olah mereka mewakili kumpulan majoriti NGO sedangkan mereka sebenarnya adalah kumpulan minoriti.

Beliau berkata, beberapa pemimpin NGO akan menyampaikan cetusan rasa mereka kepada negara dan kepimpinan pada perhimpunan itu. Penyampaian lagu puisi juga akan diadakan.

-- BERNAMA

AD NMO